UMNO akan terus perbetul kekeliruan ajaran Islam diputarbelitkan Pas

UM 21 JUN 2003

KUALA LUMPUR 20 Jun — UMNO akan terus memperbetulkan kekeliruan ajaran Islam yang diputarbelitkan oleh Pas bagi menghadapi pilihan raya tidak lama lagi.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata. langkah itu perlu diambii setiap masa bagi mengelakkan akidah umat Islam terpesong akibat tindakan Pas yang memperalatkan agama demi kepentingan politik mereka.

"Kita perlu betulkan kekeliruan yang disebabkan oleh Pas dalam kempen-kempennya. Dia guna perkataan Islam dan kata Tuhan mencarut, samseng dan macam-macam lagi.

"Bila minta doa pada Tuhan dia kata ya samseng, barua. Apa jenis manusia macam ini," katanya kepada pemberita selepas hari kedua Perhimpunan Agung UMNO Ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Dr. Mahathir berkata, parti yang memerintab Turki Dada masa ini tidak menggunakan perkataan Islam bagi mengelakkan rakyatnya menuduh Islam sebagai tidak betul jika berlaku kesilapan dalam pentadbiran.

"Sebab itu bila saya bercakap dengan Perdana Menteri Turki, dia kata partinya tak dinamakan Islam (kerana) kalau silap nanti orang kata Islam itu yang silap. Kalau dia (Perdana Menteri Turki) tak baik, orang kata Islam tak baik," jelasnya.

Bagaimanapun, tegas beliau, Pas terus menggunakan perkataan Islam tetapi melakukan perbuatan yang bercanggah dengan ajaran Islam sehingga menyebabkan imej agama itu dipandang rendah di kalangan bukan Islam.

"Ini Pas, dia guna perkataan Islam dan kata Tuhan mencarut, samseng dan macam-macam. Inikah Islam, kata orang lain. Kita kena betulkan kekeliruan ini," tegasnya.

Selain itu, Dr. Mahathir menjelaskan, UMNO akan terus melakukan yang terbaik kepada rakyat sebagaimana yang dijanjikan dalam kempen-kempen pilihan raya sebelum ini.

"Kita buat sepanjang masa selama lima tahun untuk pilihan raya. Kita janji nak buat baik, kita buat baik. Rakyat nanti undi kita, bukan undi Pas," katanya.

Bagaimanapun, tambah Perdana Menteri, Pas tetap menuduh kerajaan melakukan sesuatu kebaikan kepada rakyat disebabkan pilihan raya semakin hampir.

"Bila kita buat, dia kata pasal pilihan raya. Pas sentiasa kata kita tak betul. Dia tak pernah fikir sesuatu kebaikan.

"Kalau kita tak buat apa-apa kerana penyakit Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS), ekonomi kita jatuh, dia kata tengoklah (kerajaan) tak buat apa-apa," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr. Mahathir kesal dengan peningkatan kes jenayah dan rogol di negara ini dan dunia sejak kebelakangan ini.

Menurut beliau, peningkatan itu berpunca daripada kernntuhan nilai moral akibat pengedaran bahan lucah seperti cakera padat video dan Internet secara berleluasa di seluruh duma.

"Terdapat peningkatan kes jenayah di seluruh dunia. Ini kerana jatuhnya nilai-nilai moral. Sekarang ini berjuta pornografi dan video lucah diedar di seluruh dunia. Boleh juga dilayari di Internet," tegasnya.

Sehubungan itu, beliau menggesa ibu bapa menanamkan nilai-nilai murni yang berteraskan kepada ajaran agama bagi mengatasi masalah sedemikian.

Beliau tidak menolak kejadian rogol yang kerap berlaku terhadap wanita sejak kebelakangan ini berpunca daripada keghairahan melampau pihak tertentu yang dirangsang oleh bahan-bahan lucah.

Perdana Menteri juga membidas para penulis Barat yang ketandusan idea apabila memaparkan unsur-unsur seks dalam karya-karya mereka.

"Novel-novel yang ditulis oleh penulis terkenal juga sekarang ini mesti ada seks atau jenayah. Mereka dah bangkrap idea. Kalau tak masuk seks, bunuh tak seronok," tambahnya.